

Meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris

“ALAMAK! Buku ni dalam bahasa Inggeris. Tak faham lah, kalau dalam bahasa Malaysia kan senang.”

Kau pergilah cakap dengan pengurus tu. Aku tak heranilah, dia asyik cakap dalam bahasa Inggeris saja.”

Dialog ini memang biasa kita dengar daripada sebahagian masyarakat khususnya orang Melayu. Kata-kata itu bukan saja terbit daripada mereka yang tinggal di luar bandar, tetapi juga di bandar dan yang memiliki ijazah serta berkerjaya.

Apa yang pasti, situasi itu berlaku kerana sebahagian masyarakat kita kurang yakin atau tidak tahu berbahasa Inggeris.

Sehubungan itu, cadangan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin, minggu lalu untuk mewajibkan lulus Bahasa Inggeris bagi melayakkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendapat sijil penuh dalam peperiksaan terbabit wajar disokong.

Cadangan beliau membatik masa depan generasi muda Malaysia tanpa mengira bangsa, agama atau status sama ada di kawasan bandar atau luar bandar dalam usaha mereka meningkatkan status ekonomi keluarga dan diri sendiri.

Ia juga mampu menjadikan generasi muda kita berdaya saing dalam pasaran kerjaya di peringkat antarabangsa yang semestinya memerlukan penguasaan bahasa Inggeris.

Muhyiddin dipetik sebagai



Kementerian Pelajaran melihat dari sudut meningkatkan keupayaan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar”

>Tan Sri Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran

berkata, Kementerian Pelajaran memerlukan maklum balas orang ramai berhubung perkara itu untuk dibuat penilaian kerana pihaknya melihat dari sudut meningkatkan keupayaan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Apa yang membuatkan sebahagian masyarakat kita segan atau takut untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris? Ada yang berpendapat kaedah pengajaran bahasa Inggeris yang kurang berkesan menyebabkan pelajar gagal



Langkah itu lebih baik daripada PPSMI, tapi perkara harus ditekankan ialah meningkatkan kualiti guru yang mengajar mata pelajaran itu”

>Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim
Tokoh akademik

menguasai bahasa itu selain guru tidak menggunakan modul yang betul.

Yang pasti, mentaliti sebahagian masyarakat mengenai persepsi mereka terhadap bahasa Inggeris perlu diubah. Minda yang tertanam seperti menganggap bahasa Inggeris

hanya untuk orang bandar, golongan kelas atasan atau golongan terpelajar mesti dihapuskan.

Di kalangan masyarakat Melayu terutama di luar bandar biasanya berpandangan negatif sekiranya ada yang cuba berbahasa Inggeris atau membeli bahan bacaan de-

itu kerana bimbang nahunya tunggang-langgang!

Kerana sebab inilah Kementerian Pelajaran mahu maklum balas masyarakat untuk memastikan orang ramai, terutama pelajar luar bandar tidak menjadi mangsa disebabkan mereka tidak menguasai bahasa Inggeris.

Seorang teman pernah berkata, bapanya cukup mementingkan penguasaan bahasa Inggeris dan antara kaedah bagi menggalakkan dia mahir dalam bahasa itu ialah dengan menutup bahagian bawah televisyen dengan pita pelekat supaya sarikata bahasa Malaysia yang ditayangkan tidak dapat dibaca.

Selain itu, dia turut dibekalkan bahan bacaan seperti majalah dan akhbar berbahasa Inggeris hampir setiap hari. Namun, dalam masa sama, kepentingan bahasa Malaysia tidak diketepikan.

Hasilnya, teman penulis ini mahir menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris walaupun dia cuma lulusan SPM.

Ibu bapa sebenarnya memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kemahiran bahasa kepada anak. Jika sejak kecil didedahkan dengan penggunaan bahasa Inggeris, tidak mustahil anak itu akan mahir. Bagaimanapun, ia perlu seiring penggunaan bahasa ibunda dan tidak diketepikan.

Setakat ini, cadangan Timbalan Perdana Menteri itu disokong pelbagai pihak, malah usaha itu dikatakan lebih munasabah dilaksanakan berbanding dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Tokoh akademik, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim berkata langkah itu

membeli bahan bacaan dalam bahasa Inggeris.

Individu itu dikatakan cuba menunjuk, sombong dan berlagak pandai, sedangkan dia sebenarnya mahu belajar.

“Engkau beli buku bahasa Inggeris ni faham ke isinya? Eleh! Nak cakap orang putih (berbahasa Inggeris) konon,” kata-kata ini memang biasa kedengaran jika ada salah seorang daripada golongan itu cuba mempelajari bahasa Inggeris.

Situasi itu berlaku di luar bandar dan di bandar. Persekitaran di luar bandar pula tidak memungkinan mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris ketika berurusan di kedai bagi membeli barang keperluan harian atau ketika mengerjakan sawah. Silap hari bulan akan dicap tidak betul!

Bagaimanapun, tidak dinafikan kebanyakan rakyat negara ini terutama lulusan sekolah menengah mampu memahami bahasa Inggeris, tetapi tidak fasih dan takut untuk bertutur. Malah, ada yang malu untuk bertutur dalam bahasa antarabangsa

Kay Kim, berkata langkah itu dilihat sebagai satu usaha ke arah meningkatkan kualiti pelajar dari segi penguasaan bahasa Inggeris, selain usaha transformasi sistem pendidikan negara.

“Saya yakin langkah itu lebih baik daripada PPSMI. Namun, perkara harus ditekankan bagi memastikan cadangan itu membuahkan hasil ialah meningkatkan kualiti guru yang mengajar mata pelajaran itu,” katanya.

Bagaimanapun, kerajaan diharapkan tidak melaksanakan dasar itu secara terburu-buru dan kajian terperinci perlu dilakukan supaya usaha meningkatkan penguasaan bahasa kedua itu dapat dilaksanakan secara tersusun dan membawa manfaat kepada pelajar.

Pelaksanaannya juga perlu dengan memastikan guru bersedia sepenuhnya supaya akhirnya pelajar akan mendapat manfaat. Selain guru berkualiti, kakitangan sokongan dan alat bantuan mengajar yang mencukupi perlu disediakan agar tidak timbul masalah.